

KEPIMPINAN BERKUALITI MENERUSI NOVEL *TENGGU MENTERI*

Mohd Nazri Zainuddin
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

ABSTRAK

Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu (i) mengesan kepimpinan berkualiti yang terdapat dalam novel Tengku Menteri, dan (ii) mengenal pasti unsur-unsur kepimpinan yang boleh diaplikasikan oleh pemimpin sekolah. Sorotan literatur dilakukan untuk melihat kelompangan kajian berkaitan dengan kepimpinan berkualiti. Kebanyakan kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan kurangnya penggunaan kaedah kualitatif. Kajian dilakukan dengan kaedah kepustakaan atau kualitatif iaitu dengan merujuk novel Tengku Menteri karya Talib Samat dan buku-buku kepimpinan dan pengurusan. Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa banyak karya sastera mempunyai unsur-unsur kepimpinan yang diselitkan dalam penulisannya. Justeru, pembaca dapat menilai dan mengaplikasikan unsur-unsur kepimpinan yang berkualiti dan berkesan dalam pengurusan sekolah, kepimpinan di tempat kerja dan dalam hidup bermasyarakat. Disarankan kajian-kajian akan datang lebih menjurus kepada novel-novel sejarah kerana banyak mengandungi unsur-unsur kepimpinan yang boleh diterapkan dalam kalangan para pentadbir dan pengurus.

PENGENALAN

Kepimpinan merupakan unsur yang kerap ditonjolkan dalam karya sastera Melayu. Unsur kepimpinan ini telah dibuktikan wujud secara meluas dalam karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional oleh ramai sarjana. Para pengkaji seperti Hashim Awang, Ungku Maimunah Mohd Tahir, Harun Mat Piah dan Siti Hawa Haji Salleh merupakan antara sarjana yang gigih menganalisis dan mengkaji pelbagai genre kesusasteraan era tradisional. Di samping itu, mereka telah mengesan dan menemukan beberapa unsur kepimpinan yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Harun Mat Piah (1994: 326) menyatakan adanya pertembungan ‘jiwa’ dan ‘rasa’ antara pemimpin dan rakyat melalui karya-karya yang dihasilkan. Malahan, Tenas Effendy (2002: 1) berpendapat bahawa pemimpin kebiasaannya disebut “orang yang dituakan” oleh bangsa dan masyarakatnya. Dengan kata lain, pemimpin sepatutnya dekat dengan masyarakat seperti ungkapan “yang didahulukan selangkah, yang ditinggikan seranting”. Ungkapan ini bermaksud seseorang pemimpin itu mudah didekati dan dihubungi oleh orang bawahannya.

Di samping itu, Ab. Aziz Yusof (2005: xxiii) menyatakan bahawa kepimpinan berkualiti merupakan pemimpin yang berjaya dan sentiasa peka dengan tuntutan perubahan sama ada perubahan dalaman yang dalam kawalannya ataupun perubahan luaran yang di luar kawalannya. Manakala Ismail Noor (2000: 5) pula berpendapat kepimpinan berkualiti adalah keupayaan seseorang pemimpin memanfaatkan kebolehan dan kepakarannya dengan sebaik mungkin demi kebaikan organisasi dan orang di bawah pimpinannya. Di samping itu, dalam agama Islam juga ada memaparkan unsur-unsur kepimpinan berkualiti. Ini dibincangkan oleh Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, Fatimah Mohamad Tajuddin dan Noor Atiah Ismail (2002: 18) yang menyatakan pemimpin Islam wajib mengingatkan dan mendidik masyarakat yang dipimpin. Malahan, orang yang dipimpin perlu mentaati pemimpin selagi mereka berpegang teguh kepada Allah dan Rasul-Nya. Seterusnya, Tenas Effendy (2002: 2) menyatakan seseorang pemimpin yang berkualiti perlulah mempunyai “pakaian batin” yang baik iaitu keperibadian yang mulia dan terpuji.

SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian kepimpinan berkualiti telah dilakukan oleh para pengkaji. Contohnya, kajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) oleh Noorhayati Sidek (1996) telah mengkaji dari aspek hubungan kepimpinan berkualiti dan kualiti pengajaran di sekolah menengah. Manakala di peringkat sarjana pula, Rohani

Abd. Hamid (1998) pula mengkaji dari aspek persepsi guru yang berkualiti. Seterusnya, Abd. Rahman Jusoh (1997), Ariffin Che Ngah (1997), Narimah Abd. Malek (1997) dan Yaacob Ismail (1995) telah mengkaji aspek kepimpinan berkualiti dalam kalangan pengetua dan pengurusan sekolah. Di samping itu, Gurcharan Singh Bishen Singh (1997) dan Baharuddin Othman (2004) pula mengkaji kepimpinan berkualiti dari aspek kerja sepasukan dalam kalangan para pegawai kerajaan. Normahani Muhamad (1997) pula mengkaji berkaitan dengan kepimpinan berkualiti pengetua dan jati diri guru.

Abdul Shukor Abdullah (2004) telah menulis kepimpinan unggul sebagai tonggak pengurusan pendidikan cemerlang. Manakala Foo Say Fooi dan Tang Keow Ngang (2000) mengkaji dari aspek kepimpinan pengajaran dalam kalangan pengetua atau guru besar dan kepuasan guru bekerja. Anuar Adnan Ismail (2000) pula mengkaji berkaitan dengan kepimpinan dan pembudayaan di sekolah. Seterusnya, Hamidon A. Rahman (2001) mengkaji mengenai isu-isu etika dan pendekatan membuat keputusan dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Di samping itu, Suffian Hj Jalet (2009) membuat kajian berkenaan dengan gaya dan keberkesanan kepimpinan cemerlang dalam kalangan para pengetua wanita.

Selain kajian tersebut terdapat forum yang diadakan bagi melahirkan kepimpinan berkualiti. Forum Jati Diri yang diadakan di Sabah yang membincangkan konsep "1Malaysia: Gagasan Yang Melahirkan Pemimpin Berkualiti" yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Berita Harian, GAPENA dan Persatuan Sarjana Komunikasi Malaysia (PERSKOM). Forum ini dihadiri kira-kira 500 orang peserta yang melibatkan pelatih jururawat, pelatih Giat Mara, NGO dan ahli politik. Tujuannya adalah untuk melatih para belia dan generasi muda agar menjadi pelapis pemimpin yang berkualiti serta berwibawa demi membentuk negara yang cemerlang pada masa hadapan (Hasliza Hassan: 2011).

Selain itu, Anuar Adnan (2000) menyatakan dalam dunia yang semakin mencabar dan penuh persaingan; masyarakat berlumba-lumba untuk menjadi pemimpin tanpa mengira apa-apa bidang sekali pun. Mereka mengaitkan kepimpinan dengan pelbagai keistimewaan. Malahan, mereka melihat kepimpinan sebagai satu landasan untuk memperoleh kepentingan khususnya untuk diri sendiri. Misalnya, dalam politik, mereka mendapat kuasa; dalam bidang ekonomi, mereka boleh mendapatkan wang; dan dalam bidang kemasyarakatan pula, mereka boleh mendapat pangkat dan status. Dalam banyak keadaan, mereka yang memimpin atas dasar kuasa, wang dan pangkat biasanya tidak dapat bertahan lama. Ini adalah disebabkan kegagalan mereka

memahami dan mematuhi prinsip, syarat dan matlamat kepimpinan sebenar. Kepimpinan yang berkualiti ialah kunci kepada keberkesanan sesebuah organisasi. Oleh itu, jasmani dan rohaninya perlu dibina dengan keimanan, akhlak dan ilmu.

Pemimpin yang berkualiti dihargai kerana idea dan wawasannya untuk memperjuangkan martabat bangsanya agar bebas daripada kejahilan dan ketakutan. Sejajar itu, mampu bersaing dan percaya dengan kebolehan sendiri, berpegang teguh kepada suara nurani untuk menyatakan kebenaran dan kebatilan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini dipilih disebabkan pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kandungan teks sebuah novel yang dipilih iaitu *Tengku Menteri*. Mike Palmquist (1980) menyatakan bahawa kaedah analisis kandungan ialah:

'can be applied to examine any piece of writing or occurrence of recorded communications, content analysis is used in large number of fields, ranging from marketing and media studies, to literature and rhetoric, ethnography and cultural studies, gender and age issues, sociology and political science, psychology and cognitive science, as well as other fields of inquiry'.

Di samping itu, terdapat banyak kelebihan atau kebaikan menggunakan kaedah ini. Ini dinyatakan oleh Mike Palmquist (1980) iaitu kelebihanannya ialah:

- Melihat secara langsung pada perhubungan menerusi teks atau transkrip dan seterusnya dapat menuju pada aspek tumpuan dalam perhubungan sosial.
- Memberi ruang yang paling hampir antara pengkaji dengan teks.
- Dapat memberikan pemahaman sejarah atau budaya yang bernilai menerusi teks-teks yang dikaji.
- Boleh digunakan untuk menginterpretasi teks bagi tujuan memperluas kepakaran.

Oleh sebab kajian ini lebih memfokuskan analisis kandungan teks novel *Tengku Menteri*, maka secara tidak langsung kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji untuk lebih mendekati teks yang dianalisis.

Sifat-sifat Dan Unsur-Unsur Kepimpinan Berkualiti Mengikut Teori Kepimpinan Moden

Berdasarkan teori kepimpinan moden, penyelidikan dan kajian yang dilakukan berkaitan dengan kepimpinan adalah untuk mengesan dan mengetahui adakah seseorang itu pemimpin yang berkualiti atau sebaliknya. Bagi mencapai matlamat atau tujuan tersebut, kajian yang terawal ialah sifat-sifat atau ciri-ciri keperibadian individu. Penumpuan kepada sifat-sifat peribadi ini berasaskan andaian bahawa pemimpin yang berkualiti sudah pasti mempunyai sifat-sifat tertentu. Menurut Sheila Murray Bethel (1990: 12) terdapat 12 ciri atau unsur bagi mengklasifikasikan bahawa seseorang pemimpin itu berkualiti. Ciri atau unsur tersebut ialah berwawasan, tinggi pemikiran, etika yang tinggi dan baik, ketua perubahan, sensitif, berani mengambil risiko, pembuat keputusan, bijak menggunakan kuasa, komunikasi yang efektif, bekerjasama, berani dan komited.

Edwin P. Hollander (1978: 115) berpendapat bahawa kepimpinan berkualiti berkait rapat dengan interpersonal seseorang pemimpin tersebut. Antaranya kompetensi, keadilan, penampilan yang kemas, memberi penghargaan kepada orang bawahan, pandai mengawal emosi, komunikasi dua hala yang berkesan dan mampu menganalisis maklumat yang diterima. Justeru, kepimpinan berkualiti bukan sahaja dilihat dari penampilan luaran sahaja tetapi keperibadian dan akhlak yang mulia juga menjadi keutamaan.

Manakala Farid Poniman, Indrawan Nugroho dan Jamil Azzaini (2010: 11) menyatakan kepimpinan berkualiti akan terhasil sekiranya ada kesepaduan antara prinsip manusia, prinsip alam dan prinsip tuhan. Di samping itu, matlamat yang diinginkan akan tercapai jika pemimpin tersebut berkeyakinan, bekerja keras, bijak, ikhlas, produktif dan kontributif. Lantaran itu, ciri-ciri berkenaan perlu pada ada seseorang pemimpin untuk mencapai kepimpinan berkualiti dalam pengurusan dan pentadbiran.

Sejajar dengan itu, Naceur Jabnoun (1994: 124) menyatakan kepimpinan berkualiti akan terhasil seandainya para pemimpin itu kembali kepada Islam secara menyeluruh. Di samping itu, cara kehidupan Nabi Muhammad dalam mengurus dan mentadbir umat Islam di Madinah dengan berpegang kepada

al-Quran dan as-Sunnah haruslah dicontohi. Antara ciri atau unsur kepimpinan yang diketengahkan oleh baginda termasuklah berkemahiran, dipercayai, gagah, ikhlas, serius menjalankan tugas, pemaaf dan bertanggungjawab.

Ahmad Atory Hussain (2010: 41) menyatakan seseorang pemimpin itu akan berkualiti jika memahami dirinya sendiri dan kepentingan organisasi serta orang bawahannya. Ini dapat ditonjolkan menerusi perawakan personaliti, gaya kepimpinan, keadaan atau bentuk pekerjaan, memenuhi keperluan orang bawahan, cergas, agresif, berdikari, progresif dan berpendidikan. Di samping itu, pemimpin tersebut perlulah pandai menyesuaikan diri ketika berkomunikasi dengan orang bawahannya.

Berdasarkan penyelidikan dan penemuan yang dilakukan oleh para sarjana, dapatlah disimpulkan bahawa untuk menjadi pemimpin yang berkualiti maka seseorang itu mestilah memiliki beberapa kriteria atau unsur yang berupaya menonjolkan dirinya di tengah khalayak dan organisasi. Dengan kata lain, dirinya amat diperlukan dan menjadi contoh serta rujukan dalam mengurus, mentadbir dan memimpin orang bawahan serta organisasi.

KEPUTUSAN KAJIAN

Sifat Dan Tingkah Laku Kepimpinan Berkualiti Dalam Novel *Tengku Menteri*

Dalam novel *Tengku Menteri* ini watak utamanya ialah Ngah Ibrahim iaitu pembesar negeri Perak yang merupakan tokoh korporat bijih timah Melayu yang unggul dan pengasas bandar Taiping Bandar Warisan. Selain Ngah Ibrahim terdapat juga tokoh atau watak yang diketengahkan oleh pengarang bagi memaparkan kepimpinan yang berkualiti sama ada dalam pentadbiran dan pengurusan daerah, kampung atau pun keluarga. Antara sifat dan tingkah laku yang dipaparkan bagi menampilkan ciri-ciri seorang pemimpin yang berkualiti ialah;

i) Mementingkan Agama Dan Pendidikan

Pemimpin yang berkualiti seharusnya mementingkan agama dan pendidikan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan organisasinya. Sebagai seorang pemimpin dan pembesar di kawasan Larut, Taiping dan Kerian; Ngah Ibrahim amat mementingkan urusan keagamaan dan pendidikan. Ini disebabkan jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran agama maka sikap-sikap negatifnya akan berkurangan. Dengan kata lain, mereka takut untuk melakukan

perkara yang salah atau mungkar. Di samping itu, pendidikan juga diutamakan kerana dengan adanya pendidikan maka masyarakat dapat meningkatkan kehidupan serta mampu membezakan perkara yang baik atau sebaliknya. Contohnya:

“Sememangnya ada dalam fikiran saya untuk membina sebuah masjid baharu yang boleh digunakan oleh semua penduduk Matang atau kawasan-kawasan sekitarnya. Di Larut juga akan dibina masjid baharu, sekolah atau pusat-pusat fardu ain dan kifayah. Saya juga sedang memikirkan untuk membina lebih banyak pusat fardu ain dan kifayah di semua tempat untuk memberi pendidikan yang lebih luas kepada semua orang,” hurai Ngah Ibrahim tenang. (Tengku Menteri, 2003: 262)

ii) Menghargai Orang Bawahan

Menghargai orang bawahan merupakan salah satu unsur atau ciri kepimpinan yang berkualiti. Sesungguhnya orang bawahan atau anak buah kita bekerja keras dan bertungkus lumus dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Malahan, ada yang sanggup bersengkang mata dan kerja lebih masa demi menyiapkan tugas yang belum selesai. Lantaran itu, sebagai pemimpin atau ketua sewajarnya kita menghargai mereka dengan memberi pujian dan penghargaan. Jika ada masa dan kelapangan, bawalah mereka “rehat minda dan tenaga” untuk menghargai mereka. Penghargaan seperti ini terdapat dalam novel Tengku Menteri yang ditunjukkan oleh Ngah Ibrahim yang merupakan seorang pemimpin yang berkualiti kerana amat menghargai kehidupan orang bawahannya. Malahan, beliau sanggup turun padang untuk melihat masalah dan cara hidup pekerja lombong serta petani yang mengerjakan lombong dan ladangnya. Lantaran itu, beliau dihormati dan disanjung oleh masyarakat setempat dan para pekerjanya. Contohnya:

Ngah Ibrahim cukup menyedari betapa para pekerja adalah nadi kepada hidup matinya ladang-ladang tebu atau kopinya. Itulah sebabnya dia terpenggil untuk menjenguk sendiri kehidupan golongan bawahan dan pekerja yang banyak membantu menaikkan taraf ekonomi kaum keluarganya sejak zaman Long Jaafar lagi hingga sekarang. Dia terkesima melihat kegigihan para pekerja ladang tebu itu, semata-mata menunaikan tanggungjawab dan amanah mereka kepadanya.

(Tengku Menteri, 2003: 276)

iii) Gigih Berusaha Untuk Berjaya

Seseorang pemimpin yang berkualiti juga seharusnya mempunyai sikap

yang gigih berusaha demi mencapai kejayaan organisasi. Kegigihan penting dalam menjalankan tugas agar tidak separuh jalan ataupun tergendala. Apabila datangnya cabaran, maka akan dihadapi dengan penuh ketabahan dan kesabaran. Pemimpin yang berkualiti akan mencuba sedaya upaya demi mencapai hasrat atau impian organisasi untuk cemerlang. Melalui novel *Tengku Menteri*, sikap kegigihan ditampilkan melalui kisah Long Jaafar dan anaknya Ngah Ibrahim. Kegigihan terbukti apabila mereka berusaha untuk memajukan diri serta perniagaan mereka. Long Jaafar digambarkan dengan jelas mempunyai sikap yang gigih sebelum berkahwin. Beliau telah pergi ke negeri Johor untuk mencari peluang pekerjaan. Selepas berkahwin, Long Jaafar berpeluang mengusahakan sebuah lombong bijih timah yang seterusnya menjadi begitu luas seluas mata memandang. Malahan, beliau juga gigih memerangi masalah kongsi gelap yang timbul antara kumpulan Hai San dan Ghee Hin. Contohnya dialog pertemuan Long Jaafar dengan Datuk Panglima Bukit Gantang Alang Idin.

"Kedatangan saya hari ini ialah untuk membayar wang pajakan sebanyak \$125.00 setahun untuk tahun ini kerana mentadbir daerah Larut. Datuk pun tahu daerah Larut ini dulunya di bawah pengawasan datuk. Sekarang saya pula yang menguruskannya. Saya berjanji akan membangunkan daerah Larut yang penuh hutan rimba ini menjadi kawasan negeri Perak yang termaju dan terkaya," kata Long Jaafar serius.

(Tengku Menteri, 2003: 190-191)

iv) Menerima Pendapat Orang Lain

Sikap mementingkan diri sendiri perlulah dikikis dalam diri setiap pemimpin kerana kepentingan peribadi tidak akan dapat memuaskan hati semua pihak. Untuk menjadi pemimpin yang berkualiti maka pendapat orang bawahan mahu pun orang luar perlulah diambil kira. Kadangkala idea, pandangan dan pendapat mereka boleh menjayakan organisasi dan melancarkan program yang akan dijalankan. Misalnya, dalam novel *Tengku Menteri* sikap tersebut ada ditunjukkan oleh Ngah Ibrahim. Beliau sering mendapatkan pandangan ibunya Ngah Pura sebelum membuat sesuatu pekerjaan walaupun beliau menjadi pembesar negeri Perak pada ketika itu. Contohnya:

"Cuma apa ibu?" tanya Ngah Ibrahim lembut.

"Cuma ibu minta janganlah diabaikan pentadbiran di Bukit Gantang ini atau setidak-tidaknya jagalah juga kehidupan orang-orang Melayu di sini," kata Ngah Pura menyambung bicara.

"Oh itu sudah semestinya. Saya akan memenuhi nasihat ibu itu."
(Tengku Menteri, 2003: 257)

v) **Sanggup Berkorban**

Pemimpin yang berkualiti perlulah mempunyai sikap sanggup berkorban demi orang bawahan dan organisasi. Tanpa sikap ini, pemimpin tersebut hanyalah mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan masalah orang di sekelilingnya. Dalam novel *Tengku Menteri*, sikap ini ditunjukkan oleh Dato' Sagor dan Dato' Maharajalela yang sanggup berkorban demi membunuh J.W.W Birch iaitu Residen pertama di Perak. Contohnya:

Sultan Abdullah bermesyuarat dengan pembesar-pembesarnya yang cukup menginsafi perjuangan Dato' Maharajalela dan Dato' Sagor adalah usaha mengembalikan ketuanan Melayu dan maruah bangsa yang tidak boleh dipandang remeh.

"Baiklah, kalau semua sudah bersedia, beta terus mulakan pertemuan ini. Seperti yang kita maklum, pejuang-pejuang Melayu pimpinan Dato' Maharajalela sudah berjaya menghapuskan Birch dan beberapa serang balas pihak Inggeris."
(Tengku Menteri, 2003: 644)

vi) **Tolong-Menolong**

Sikap tolong-menolong amat penting dalam sesuatu organisasi. Sikap ini haruslah dimulakan oleh pemimpin. Pemimpin yang berkualiti akan menunjukkan contoh yang baik kepada anak buahnya. Sikap tolong-menolong ini boleh ditampilkan melalui pemberian idea atau pendapat dalam tugas yang diberi, program yang akan dilaksanakan dan sebagainya. Dalam novel *Tengku Menteri* sikap ini ada ditonjolkan oleh pengarang. Kejayaan Ngah Ibrahim meneroka kawasan Larut banyak dibantu oleh sahabat arwah bapanya iaitu Ali Osman. Ali Osman banyak membantu dan memberi pertolongan kepada Ngah Ibrahim. Beliau juga memberi teguran dan nasihat kepada Ngah Ibrahim walaupun Ngah Ibrahim hanyalah anak sahabatnya sahaja. Ali Osman masih mengingati tali persahabatan dengan Long Jaafar dan ini membolehkan Ngah Ibrahim sentiasa mendapatkan bantuan daripadanya. Contohnya:

"Siapa agaknya yang patut kita lantik menjadi imam masjid baharu ini?" tanya Menteri Ngah Ibrahim.

"Saya rasa kita kena ambil guru-guru agama yang belajar di Makkah dan akan balik tidak lama lagi. Saya dengar Ngah Zakaria akan balik hujung bulan ini. Bolehlah kita cuba tanya akan dia jika mahu menjadi imam masjid baharu ini."

(Tengku Menteri, 2003: 351)

vii) Baik Hati

Pemimpin yang berkualiti sewajarnya juga mempunyai sikap baik hati. Sikap ini penting kerana dapat membantu orang bawahan yang dalam kesusahan atau menghadapi masalah dalam menjalankan tugas yang diberi. Anak buah atau orang bawahan akan berasa terharu dan bangga sekiranya pemimpin mereka mempunyai sikap baik hati. Dalam novel *Tengku Menteri*, sikap baik hati ini ditonjolkan dalam diri Temenggung Ibrahim. Temenggung Ibrahim sangat baik hati terhadap Long Jaafar dan Ali Osman yang telah merantau ke Singapura tetapi tidak beroleh kejayaan. Lantaran itu, beliau memberikan bantuan kewangan dan keperluan lain bagi membiayai mereka belayar meninggalkan Teluk Belanga, Singapura. Contohnya:

Jauh di sudut hati Long Jaafar terkenang jua kebaikan budi dan sifat kepemurahan Temenggung Ibrahim yang bersimpati dengannya dan menghulurkan wangnya sendiri untuk membolehkan dia berdua kembali ke Perak.

Sungguh mulia dan tinggi budimu Temenggung Ibrahim! Bilakah akan kubalas budimu itu, cetus hati Long Jaafar sewaktu berada di perut kapal penumpang yang sarat dengan penumpang pelbagai bangsa.

(Tengku Menteri, 2003: 12)

viii) Memberi Nasihat

Selain itu, sebagai pemimpin yang berkualiti sikap sentiasa memberi nasihat perlulah diamalkan dalam kehidupan seharian. Setiap orang bawahan dalam organisasi mungkin ada melakukan kesilapan maka wajarlah sebagai seorang pemimpin memberi nasihat. Tujuannya, agar kesilapan lalu tidak berulang kembali. Misalnya, dalam novel *Tengku Menteri* sikap ini dipaparkan oleh watak Ngah Pura iaitu isteri kepada Long Jaafar. Ngah Pura sentiasa menasihati dan menyokong suaminya apabila Long Jaafar dilantik sebagai pemungut cukai di Kurau dan Kerian. Contohnya:

"Kerja baik-baik bang. Bersih, cekap, amanah. Bukan senang nak dapat kepercayaan Sultan Perak dan Datuk Panglima Bukit Gantang Alang Idin

yang menaruh kepercayaan tinggi kepada abag," kata Ngah Pura sambil menarik nafas lega kerana mereka selamat tiba di Bukit Gantang. (Tengku Menteri, 2003: 100)

RUMUSAN

Jelaslah di sini, kepimpinan berkualiti amatlah penting bagi menjayakan sesuatu organisasi dan pengurusan. Kepimpinan berkualiti banyak ditampilkan dalam karya kesusasteraan Melayu seperti novel *Tengku Menteri*. Di dalamnya mengandungi nilai ketinggian sama ada pemikiran, agama, kemasyarakatan dan sebagainya. Novel *Tengku Menteri* perlu dibaca oleh bakal pemimpin dan pemimpin yang sedia ada kerana di dalamnya banyak diketengahkan ciri-ciri kepimpinan berkualiti yang boleh dicontohi. Malahan, novel-novel sejarah seperti *Panglima Awang* karya Harun Aminurrashid, *Panglima Salleh Selempang Merah* karya Zaharah Nawawi dan *Putera Gunung Tahan* hasil nukilan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) sewajarnya dibaca untuk menyorot kembali nilai-nilai kepimpinan berkualiti yang dimiliki. Kepelbagaian nilai positif yang diluahkan dalam novel tersebut menunjukkan bahawa kehidupan masyarakat pada zaman lampau masih boleh dipraktikkan dalam kehidupan kini. Secara tidak langsung, dapat melahirkan bakal-bakal pemimpin yang berwibawa dan berkualiti sama ada dari aspek keperibadian, intelek dan emosi.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Yusof. (2005). *Perubahan dalam kepimpinan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Shukor Abdullah. (2004). Kepimpinan unggul tonggak pengurusan pendidikan cemerlang. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan IAB*. Jilid 14 Bil 01. Jun 2004: 18-33.
- Ahmad Atory Hussain. (2010). *YB oh YB: Antara peranan dan tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Anuar Adnan Ismail. (2000). Kepimpinan dan pembudayaan di sekolah: Satu pandangan awal. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan IAB*. Jilid 10 Bil 02. Disember 2000: 64-73.

- Cohen, W.A. (1990). *The art of the leader*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Edwin P. Hollander. (1978). *Leadership dynamics*. New York: A Division of Macmillan Publishing Co. Inc.
- Foo Say Fooi dan Tang Keow Ngang. (2000). Kepimpinan pengajaran pengetua/guru besar dan kepuasan guru. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan IAB*. Jilid 10 Bil 02. Disember 2000: 35-48.
- Farid Poniman, Indrawan Nugroho & Jamil Azzaini. (2010). *Menjadi pemimpin super*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Hamidon A.Rahman. (2001). Isu-isu etika dan pendekatan membuat keputusan dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan IAB*. Jilid 11 Bil 02. Disember 2001: 80-92.
- Harun Mat Piah. (1994). Jiwa raja dan jiwa rakyat dalam puisi-puisi Brunei Darussalam. Dalam Othman Puteh (pngr). *Teks cerminan nilai budaya bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasliza Hassan. (2011). Forum jati diri: penerimaan perbezaan kaum perkukuh jati diri. *Berita Harian*. 20 Jun.
- Ismail Noor. (2000). *Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W: Pengurusan altruistic model ikutan sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, Fatimah Mohamad Tajudin dan Noor Atiah Ismail. (2002). *Nilai-nilai cemerlang kepimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Naceur Jabnoun. (1994). *Islam and management*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Sheila Murray Bethel. (1990). *Make a difference: 12 qualities that make you a leader*. New York: Berkley Books.
- Tenas Effendy. (2002). *Pemimpin dalam ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.